



Tajuk Artikel: Perpaduan terus jadi teras pembangunan: PM
Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 12 Julai 2007 – Khamis
Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menegaskan perpaduan mesti terus menjadi matlamat pembangunan negara supaya Malaysia dapat mengekalkan keamanan serta mempunyai bangsa yang maju dan berjaya.

Perdana Menteri berkata, perpaduan berulang kali diberikan penekanan termasuk oleh pemimpin terdahulu kerana ia adalah pendekatan terbaik untuk rakyat terus berasa lega, aman dan selamat.

"Insya-Allah, masa depan kita akan menjadi cerah dan menjadi negara maju pada 2020, terus mara ke hadapan dan membangun hingga 50 tahun akan datang yang mana kita akan melihat anak cucu kita meraikan 100 tahun kemerdekaan," katanya.

Ucapan Abdullah pada majlis penyampaian watiwah pelantikan Panel Penasihat Perpaduan Negara (Panel) dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri (JKKPN) Sesi 2007-2008 itu mendapat tepukan gemuruh hadirin yang berdiri memberi penghormatan.

Pada majlis itu, Abdullah menyampaikan watiwah pelantikan kepada 55 anggota Panel dan 15 pengerusi JKPPN yang terdiri daripada ahli politik, bekas ahli politik, intelek, usahawan dan pemimpin badan bukan kerajaan (NGO) serta pelajar.

Antara penerima ialah Pengerusi The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Datuk Seri Mohamed Jawhar Hassan dan Timbalan Pengerusi NSTP, Datuk Kalimullah Hassan.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Maximus Ongkili, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Joseph Entulu Belaun dan Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Datuk Azman Amin Hassan.

Abdullah yang mengimbuai Peristiwa 13 Mei 1969, berkata pendekatan dialog yang dipelopori bekas pemimpin negara, Tun Ghazali Shafie, selepas tragedi itu terus menjadi pendekatan kepemimpinan sekarang.

Katanya, pendekatan dialog yang menghasilkan permuafakatan di antara kaum, terbukti berjaya menyelesaikan permasalahan dihadapi.

"Justeru, muafakat itu mesti lebih besar lagi, bukan dalam kes tertentu saja. Apa yang saya sebut ini adalah inti pati mesej yang dapat diperah dan disedut daripada pendekatan pemimpin terdahulu," katanya.

Perdana Menteri berkata, kepemimpinan negara pada masa itu berjaya mengatasi masalah perkauman kerana wujud kesanggupan politik di kalangan pemimpin kaum masing-masing, terutama yang membentuk Parti Perikatan dan seterusnya Barisan Nasional (BN).

Katanya, menerusi kesanggupan politik itu juga mereka berjaya mencapai permuafakatan yang menghasilkan dasar penting negara, seperti Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein.

"Jika kita dapat berpegang kepada semangat muafakat dalam politik, itu lebih tersusun daripada meminta rakyat bermuafakat," katanya.

Abdullah berkata, apa yang penting setiap rakyat mesti menjadikan keikhlasan itu sebagai ciri keperibadian masing-masing supaya segala yang terpendam di hati dapat difahami rakan lain.

"Keikhlasan inilah yang diperlihatkan pemimpin lalu ketika berdialog pada mesyuarat Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) bagi mencari penyelesaian kepada masalah yang menyebabkan Peristiwa 13 Mei 1969.

"Saya masih ingat lagi ketika (bekas Timbalan Perdana Menteri) Tun Dr Ismail Abdul Rahman berkata 'jangan kita sapu segala kekotoran ke bawah permaidani, semua kekotoran itu mesti dikeluarkan... kerajaan tidak selalunya betul, ada masanya keputusan kurang tepat dibuat,'" katanya.

**Tajuk Artikel: Bakal angkasawan pikul mandat negara: Abdullah
Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 12 Julai 2007 – Khamis
Oleh Wan Hazmir Bakar dan Haika Khazi**

Dr Sheikh Muszaphar, Dr Faiz lambang inspirasi rakyat Malaysia



MISI NEGARA: Abdullah menunjukkan Logo Misi di baju Dr Faiz sambil diperhatikan Dr Sheikh Muszaphar dan Jamaludin di Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berpesan kepada bakal angkasawan negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor, 34, dan Dr Faiz Khaleed, 26, bahawa mereka memikul mandat negara dan harapan rakyat apabila menjalankan misi ke angkasa lepas Oktober depan.

Perdana Menteri berkata, seluruh rakyat Malaysia daripada segenap lapisan masyarakat menaruh harapan tinggi terhadap kejayaan misi itu yang menjadi impian negara selama ini.

"Harapan kami ialah saudara berdua selamat dan dapat menjalankan misi yang sungguh bererti kepada

rakyat Malaysia. Ini adalah kali pertama dan apa yang sudah lama diidamkan kita akan menjadi realiti apabila saudara dipilih untuk ke angkasa lepas.

"Mudah-mudahan kejayaan saudara nanti akan menjadi inspirasi kepada rakyat Malaysia terutama remaja, belia dan pelajar universiti untuk membabitkan diri dalam sains angkasa lepas," katanya selepas menyampaikan lencana Logo Misi dan buku Pelaksanaan Ibadah kepada Dr Sheikh Muszaphar dan Dr Faiz di Pejabat Perdana Menteri di sini, semalam.

Lencana Logo Misi yang berlatarbelakangkan Jalur Gemilang dan angkasa lepas serta angkasawan akan ditampal pada pakaian angkasa mereka sebagai tanda simbolik pemberian mandat negara dan harapan rakyat.

Dr Sheikh Muszaphar dan Dr Faiz pula menyerahkan kemeja khas sempena misi itu kepada Abdullah untuk dipakai semasa menyaksikan pelancaran kapal angkasa Soyuz yang akan membawa seorang daripada mereka ke Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS) pada 10 Oktober depan.

Turut hadir pada majlis yang disaksikan wakil media itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis; Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Prof Datuk Dr Mazlan Othman, dan Pengarah Program Angkasawan Negara, Kolonel Dr Zulkiefli Mat Jusoh.

Terdahulu, Abdullah mengadakan pertemuan tertutup dengan mereka selama hampir setengah jam.

Abdullah juga mengingatkan mereka bahawa misi 10 hari ke ISS itu bukan misi melancong untuk menikmati keadaan di angkasa lepas tetapi misi penyelidikan yang penting.

Katanya, angkasawan negara yang terpilih mesti menyempurnakan semua penyelidikan yang dirancang semasa misi itu, terutama penyelidikan berkaitan penyakit kanser.

"Ini bukan pergi melancong nak tengok angkasa lepas tetapi lebih besar daripada itu kerana ia berkait dengan sains angkasa lepas," katanya sambil menambah beberapa negara yang dilawatnya baru-baru ini meminta angkasawan Malaysia menjalankan penyelidikan untuk mereka.

Ketika misi itu, angkasawan negara antara lain akan menjalankan kajian saintifik membabitkan penyelidikan dan pembangunan berkaitan bioteknologi dan kanser.

Sementara itu, Dr Faiz berkata, beliau dan Dr Sheikh Muszaphar akan menjalani latihan fasa terakhir di Agensi Angkasa Lepas Amerika Syarikat (Nasa), Texas, dari 23 hingga 27 Julai ini, bagi membiasakan diri dengan suasana ISS.

Katanya, mereka akan menjalani lebih banyak latihan praktikal bersama dua lagi anak kapal dari Russia dan AS yang akan mengikuti misi itu.

"Pada saat akhir ini amat penting kami menjalani latihan bersama bagi menyelaraskan segala langkah diambil ketika berada di dalam kapal angkasa dan ISS.

"Itu penting kerana setiap kami mempunyai tugas tertentu dalam kapal angkasa ketika memasuki orbit angkasa dan di ISS. Russia akan mengadakan banyak sesi latihan bersama dengan krew kapal angkasa terbabit," katanya.

INFO: Logo Misi

Melambangkan bangsa Malaysia sudah bersedia untuk mencipta sejarah ke arah satu matlamat yang pasti.

Menjadikan angkasa sebagai landasan pembangunan strategik, sosial dan ekonomi.

Memperkuhkan potensi negara dalam bidang angkasa melalui usaha bersatu padu ke arah pembangunan aplikasi teknologi angkasa.

Menyokong dan menambah [nilai](#) kepada polisi negara mempromosi kerjasama antarabangsa serta meningkatkan pengetahuan rakyat Malaysia.

Tajuk Artikel: Makanan punca ramai remaja sakit jantung Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 12 Julai 2007 – Khamis

KUALA LUMPUR: Penjualan makanan tidak berkhasiat di kantin sekolah dikesan antara punca meningkatnya penyakit berkaitan jantung di kalangan golongan muda.

Presiden Persatuan Perubatan Sedunia (WMA), Datuk Dr N Arumugam, berkata kebanyakan makanan di kantin sekolah mempunyai kandungan garam dan gula berlebihan yang memudaratkan kesihatan pelajar.

Beliau berkata, melihat kesan serius jika masalah itu tidak diatasi dengan segera menyebabkan kebanyakan negara di seluruh dunia mula [menilai](#) kembali makanan yang dijual di kantin sekolah bagi memastikan ia berkhasiat.

"Sekarang ini pula, mata pelajaran pendidikan jasmani dianggap tidak penting oleh pihak sekolah dan jika ini berlaku, pasti golongan muda terdedah kepada risiko penyakit kronik seperti serangan jantung.

"Kira-kira 30 peratus golongan muda kita mengalami obesiti dan ini menyebabkan pesakit berkaitan jantung juga menular ketika usia muda.

"Kalau dulu, pesakit jantung selalunya menyerang golongan berumur 40 tahun ke atas, kini mereka berumur 20-an boleh mendapat penyakit berkaitan jantung," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Malaysian Cardiovascular Interventional Symposium with Live Transmission, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Perubatan Institut Jantung Negara (IJN), merangkap pengerusi jawatankuasa penganjur simposium, Datuk Seri Dr Robaayah Zambahari dan Presiden Persatuan Jantung Kebangsaan Malaysia, Dr Hendrick Chia.

Dr Arumugam berkata, selain pemakanan, tabiat merokok dan kurang bersenam di kalangan generasi muda negara ini menyumbang kepada peningkatan jumlah pesakit berkaitan jantung membabitkan golongan itu.

Sementara itu, Dr Hendrick berkata, pihaknya sedang mengumpul data lengkap berhubung penyakit berkaitan jantung di negara ini dengan penubuhan Pusat Data Kardiologi Kebangsaan, tahun lalu.

Katanya lagi, pusat data yang mendapat kerjasama Kementerian Kesihatan itu akan menjadi rujukan penting dalam mengatur strategi menangani masalah berkaitan jantung.

"Cara terbaik mengatasi masalah penyakit berkaitan jantung ialah pencegahan pada peringkat awal," katanya.

Beliau berkata, keadaan itu memberi cabaran kepada pengamal perubatan untuk memberi rawatan terbaik dan pada masa meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat.

Tajuk Artikel: MB Selangor pertahan dakwaan anugerah pembohongan terancang

**Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 12 Julai 2007 – Khamis
Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail**

SHAH ALAM: Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo semalam mempertahankan dakwaannya bahawa pemberian anugerah khidmat cemerlang sekadar pembohongan terancang, berdasarkan pengalamannya di Selangor.

Katanya, kenyataan itu bukan dibuat melulu seperti didakwa sesetengah pihak kerana keadaan berkenaan benar berlaku di negeri terbabit.

Berdasarkan pengalaman menghadiri majlis penyampaian anugerah, beliau mendapati terlalu ramai penjawat awam menerima anugerah itu, selain aduan daripada individu tertentu yang mempersoalkan kriteria pemilihan.

"Saya bercakap berdasarkan pengalaman di negeri ini. Saya tahu apa berlaku dan ada yang tidak kena dengan pemberian anugerah ini," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco mingguan di sini.

Kelmarin, Presiden Cuepacs, Omar Osman dilaporkan kecewa dengan dakwaan Dr Mohamad Khir yang dianggap boleh menjejaskan imej kakitangan kerajaan, selain merendahkan sumbangan penjawat awam.

Omar berkata, dakwaan itu bukan saja serius dan tidak adil, malah menimbulkan tanda tanya di kalangan orang ramai mengenai mutu perkhidmatan kakitangan sektor awam di negara ini.

Dr Mohamad Khir selepas merasmikan Sistem Kad Prestasi (SKP) Isnin lalu mendakwa, anugerah itu hanya pembohongan terancang kerana ia diberi secara bergilir untuk memastikan semua kakitangan jabatan atau agensi kerajaan berpeluang menerimanya sekurang-kurangnya sekali.

Dakwaannya itu mendapat maklum balas positif apabila ramai kakitangan awam yang menyatakan sokongan dan mahu kerajaan mengkaji semula kaedah pemberian anugerah itu pada masa depan.

Mengulas rasa tidak puas hati Cuepacs, Dr Mohamad Khir berkata, semua pihak perlu bersikap terbuka untuk menerima kritikan kerana pemimpin baik adalah pemimpin bersikap terbuka dan sedia menerima kritikan.

Tajuk Artikel: Talian aduan jenayah alam sekitar

Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 12 Julai 2007 – Khamis

KEMENTERIAN Sumber Asli dan Alam Sekitar sudah menyediakan 'talian alam sekitar' bagi menerima aduan dan laporan orang ramai mengenai jenayah terhadap alam sekitar.

Setiausaha Parlimen kementerian, Datuk Sazmi Miah, berkata orang ramai boleh membuat panggilan di talian 1-800-88-2727 pada bila-bila masa bagi melaporkan kes jenayah membabitkan alam sekitar.

"Talian ini dibuka sehingga jam 11 malam dan setiap aduan dan laporan diterima diambil tindakan segera," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007.

Menjawab celahan Senator Dr Mohd Puad Zarkashi sama ada talian itu berbentuk rakaman atau sebaliknya, beliau berkata: "Jika aduan atau laporan diterima selepas pukul 11 malam, maka ia akan dirakamkan, jika sebelum waktu itu tindakan segera akan diambil."

Sazmi juga menjelaskan kementerian sudah melantik seorang pegawai bagi membantu setiap wakil rakyat dalam menangani jenayah alam sekitar di sesuatu kawasan.

"Pegawai ini boleh dihubungi pada bila-bila masa dan selepas dihubungi jika tiada tindakan yang diambil, pegawai itu yang akan dikenakan tindakan.

"Cara ini bagi memudahkan tindakan mengawal jenayah alam sekitar kerana bukan semua tempat kita boleh pantau dan pergi. Jadi dengan adanya bantuan wakil rakyat, masalah dapat dikurangkan," katanya. – Bernama

Sazmi berkata, kualiti alam sekitar di negara ini berada pada tahap terkawal dan tidak membimbangkan.

"Tujuan pindaan rang undang-undang ini (Kualiti Alam Sekeliling) sebagai pencegahan awal supaya apa yang berlaku ketika ini dapat dirawat dengan segera. Tidak perlu untuk tunggu sampai keadaan menjadi terlalu kritikal baru nak ambil tindakan," katanya.

Beliau berkata, tanggungjawab menjaga dan memulihara alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak sementara kerajaan bertindak sebagai pemangkin yang menyediakan akta bagi menjadikan alam sekitar itu lebih dihargai.

Rang undang-undang itu kemudian diluluskan. — Bernama

Tajuk Artikel: Program angkasawan untuk penyelidikan Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 12 Julai 2007 – Khamis



Abdullah Ahmad Badawi memegang logo angkasawan negara bersama-sama (dari kanan) Ketua Pengarah Angkasa, Prof. Datuk Dr. Mazlan Othman, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis, Dr. Mohd. Faiz Khaleed, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Pengarah Program Angkasawan Negara, Kolonel Zulkiefli Mat Jusoh di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, semalam. – Gambar Abdul Nazir Mohamed.

PUTRAJAYA 11 Julai – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, program angkasawan bukan satu program untuk melancong bagi melihat angkasa lepas sebaliknya ia adalah program berkaitan kerja-kerja penyelidikan.

Menurut Perdana Menteri, penyelidikan yang akan dilakukan termasuk berkaitan kanser itu akan dijalankan dengan kerjasama institusi tertentu di negara ini.

"Baru-baru ini masa saya pergi ke luar negara, saya tak payahlah sebut negara itu, mereka bagi tahu bahawasanya mereka juga ada pesanan kepada saudara berdua (angkasawan) supaya membantu mereka melaksanakan satu penyelidikan.

"Jadi saya kata, kalau mereka sanggup hantar kepada pihak angkasawan atau ke kementerian kita atau terus kepada pejabat Agensi Angkasa Negara (Angkasa), semua ini boleh diuruskan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan logo misi ke angkasa lepas dan bertemu dengan dua calon angkasawan negara, Dr. Faiz Khaleed dan Dr. Sheikh Muszaphar Shukor di pejabatnya di sini, hari ini. Hadir sama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis dan Ketua Pengarah Angkasa, Prof. Datuk Dr. Mazlan Othman.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyerahkan buku pelaksanaan ibadat solat di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Dengan pelancaran logo itu, ia menandakan Perdana Menteri telah menyerahkan mandat negara dan harapan rakyat untuk kejayaan program angkasawan itu.

Dua calon angkasawan itu sebelum ini menjalani latihan di Pusat Latihan Angkasawan Yuri Gagarin, Star City, Moscow sejak 9 Oktober tahun lalu dan mereka dijadualkan ke angkasa lepas pada 10 Oktober ini. Selepas ini, mereka akan menjalani latihan ikhtiar di Laut Hitam dari 15 hingga 22 Julai ini sebelum ke Stesen Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA), Houston, Amerika Syarikat (AS) untuk mempelajari modul angkasa lepas NASA dari 23 hingga 29 Julai.

Menurut Abdullah, beliau berharap penyelidikan yang akan dijalankan itu dapat dilaksanakan sehingga berjaya agar ia menjadi satu inspirasi terutama kepada pelajar untuk melibatkan diri dalam bidang sains dan teknologi.

"Mudah-mudahan dengan persediaan saudara, maka ia akan menjadi satu inspirasi terutama kepada pelajar kita yang mahu terlibat dan dalam lawatan saudara ke universiti baru-baru ini, respons (pelajar) begitu baik, kalah ahli politik," katanya.

Dalam pertemuan itu, beliau turut memberi pesanan supaya calon angkasawan yang akan kembali ke Rusia pada 13 Julai ini dapat meneruskan latihan dan menjalankan misi rakyat Malaysia ke angkasa lepas. Dalam pada itu, Faiz ketika ditemui berkata, beliau dan Sheikh Muszaphar akan menjalani pemeriksaan perubatan untuk kali terakhir bagi membolehkan penilaian dilakukan ke atas kesihatan mereka.

"Pemeriksaan itu akan menentukan sama ada kami layak untuk ke angkasa lepas sementara latihan di NASA pula membolehkan kami mempelajari aspek komunikasi melalui radio dan menggunakan peralatan yang selamat.

"Ini kerana latihan segmen di Rusia dan Amerika Syarikat adalah berbeza maka kita perlu fahami kedua-duanya sekali," katanya.

Tajuk Artikel: Kekalkan perpaduan kaum – PM

Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 12 Julai 2007 – Khamis

Oleh HELMI MOHD. FOAD

PUTRAJAYA 11 Julai – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, perpaduan mesti terus menjadi matlamat pembangunan negara agar Malaysia menjadi sebuah negara yang selamat serta mempunyai bangsa yang maju dan berjaya.

Perdana Menteri menambah, keikhlasan mesti menjadi sebahagian daripada peribadi rakyat yang sayang kepada bangsa dan negara agar tidak menimbulkan pergeseran antara kaum yang akhirnya akan merugikan rakyat.

"Kita masih ada peranan dan tanggungjawab jika kita mahu negara kita selamat, dan bangsa maju dan berjaya," katanya.

Beliau berucap pada majlis penyampaian watak pelantikan Panel Penasihat Perpaduan Negara dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri sesi 2007-2008 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, bagi memastikan hasrat itu tercapai, tokoh-tokoh masyarakat yang terlibat sebagai Panel Penasihat Perpaduan Negara perlu menjadikan keikhlasan sebagai salah satu ciri peribadi mereka.

"Pada waktu ini, mungkin kita semakin berani dalam menyuarakan sesuatu dengan niat dan tujuan untuk apa kita lakukan sesuatu.

"Buah fikiran yang kita perahkan, ia perlulah sesuatu yang praktikal, menjadi ubat dan penawar yang boleh menyembuhkan penyakit serta membina ketahanan supaya penyakit pergaduhan kaum tidak timbul," katanya.

Menurut Perdana Menteri, bagi memastikan perpaduan dikekalkan, sebarang usaha pembangunan tidak boleh bersifat eksklusif kepada golongan tertentu.

Selain itu kata beliau, lebih banyak dialog perpaduan perlu diadakan sebagai pendekatan bagi mencapai permuafakatan.

Dalam hal ini, kata beliau, amalan Barisan Nasional (BN) cukup berkesan apabila pemimpin parti komponen sedia bertoleransi hingga membolehkan kerjasama menjadi semakin kuat.

"Daripada sekadar menyeru rakyat bekerjasama, parti-parti politik boleh memastikan kerjasama dapat dilaksanakan iaitu dengan bersetuju menguruskan perikatan dan perkongsian kuasa yang lebih besar," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, pendekatan tersebut telah digunakan oleh Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein sebagai satu bentuk penyelesaian selepas berlaku peristiwa 13 Mei 1969.

"Semasa kepimpinan (Perdana Menteri pertama) Tunku Abdul Rahman, beliau berjaya menempatkan semua kaum berdasarkan bidang masing-masing.

"Tetapi selepas 10 tahun merdeka, tentu ada keinginan di kalangan mereka untuk terlibat dalam bidang yang ditetapkan iaitu orang Melayu juga ingin terlibat dalam perniagaan dan orang Cina juga suka untuk menjadi ahli politik.

"Selain itu ada gangguan kuasa lain seperti komunis dan politik perkauman oleh golongan tertentu menyebabkan berlaku peristiwa 13 Mei yang malang bagi kita semua," katanya.

Bagaimanapun katanya, Allahyarham Tun Razak memilih untuk mengutamakan peranan semua pihak dengan berbincang tentang apa yang perlu dilaksanakan bagi memulihkan perpaduan kaum selepas peristiwa tersebut.

Pada majlis tersebut Perdana Menteri menyampaikan watak pelantikan kepada 55 ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara dan 15 Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri sesi 2007-2008.

Mereka terdiri daripada tokoh pelbagai kaum, pegawai kanan kerajaan, ahli-ahli politik dan pertubuhan bukan kerajaan serta syarikat korporat.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus James Ongkili; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Joseph Entulu Belaun dan Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Datuk Azman Amin Hassan.

Tajuk Artikel: Sistem syariah bukan punca ramai nikah di Siam Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 12 Julai 2007 – Khamis

KUALA LUMPUR 11 Julai – Tindakan 200 pasangan rakyat Malaysia berkahwin di selatan Thailand dalam tempoh sebulan awal tahun ini berbanding 100 orang tahun lalu tiada kenamengena dengan undang-undang syariah di negara ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, tindakan mereka itu disebabkan perasaan tergesa-gesa mereka untuk berkahwin.

Beliau berkata, pasangan terbabit juga mahu berkahwin segera bagi menjimatkan kos perkahwinan yang semakin mahal.

“Jika orang lain boleh berkahwin mengikut peraturan dan undang-undang syariah sedia ada, mengapa pasangan terbabit tidak boleh?”

“Ia tiada kena-mengena dengan undang-undang syariah yang disediakan untuk kepentingan semua pihak di negara ini,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas melancarkan buku Eh! Wat Yu Talking? karya Dr. Syed Ali Tawfik Al-Attas di sini hari ini.

Sebelum ini, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim menggesa pelaksana undang-undang syariah bermuzakarah bagi mencari jawapan terhadap peningkatan bilangan rakyat Malaysia yang bernikah di Thailand.

Shahrizat menambah, undang-undang perkahwinan yang sedia ada telah mengambil kira semua kaedah dan ia bukan seperti hendak membeli pisang goreng atau makanan segera.

“Undang-undang dan peraturan itu diwujudkan bagi memastikan bahawa kepentingan orang yang terlibat diambil kira,” tegasnya.

Beliau berkata, undang-undang syariah di negara ini memberi keadilan kepada semua pihak termasuk suami, isteri dan keluarga.

“Oleh yang demikian, pasangan yang ingin berkahwin tidak perlu pergi ke negara lain untuk diijabkabulkan,” katanya.

Sementara itu, Shahrizat kesal dengan peningkatan kes kekejaman dan pembunuhan yang dilakukan oleh ibu ke atas bayi dan anak-anak kecil mereka sejak kebelakangan ini.

Kata beliau, kementerianya bersama pihak polis akan membuat kajian mengenai punca kejadian di mana ibu sanggup mendera dan membunuh anak mereka.

Antara perkara yang akan dikaji katanya, apakah golongan ibu hari ini terlalu berat tanggungjawab dan tidak sanggup menghadapi cabaran atau terlalu banyak stres sehingga sanggup melakukan kekejaman terhadap anak mereka.

Sementara itu, Syed Ali memberitahu, beliau menulis buku Eh! Wat Yu Talking? bagi merakamkan pertuturan masyarakat Malaysia dan beberapa negara Islam yang pernah dikunjunginya.

Beliau yang juga Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) berkata, tajuk tersebut sengaja dipilih walaupun dianggap sebagai bahasa rojak bagi menyesuaikan keadaan dengan rakyat tempatan.

Ditanya mengapa memilih Pak Pandir antara karakter di dalam buku yang penuh humor itu, Syed Ali berkata, ia sudah dikenali dan Pak Pandir juga turut memberi pandangan yang bijak dalam sesuatu perkara. Katanya, buku humor itu telah dicetak sebanyak 3,000 naskhah pada Jun lalu dan diulang cetak sebanyak 2,000 naskhah bulan ini.

Ditanya mengapa menulis buku humor, Syed Ali berkata: “Saya manusia biasa yang mempunyai emosi, kadangkala serius dan mempunyai perasaan humor mengikut keadaan. Bosan juga jika selalu serius.”

Tajuk Artikel: Karnival Kerjaya tawar 1,400 peluang pekerjaan

Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 12 Julai 2007 – Khamis

KUALA LUMPUR 11 Julai – Sebanyak 1,400 peluang pekerjaan dalam bidang sains, sastera dan teknikal ditawarkan kepada siswazah yang masih menganggur sempena Karnival Kerjaya Kebangsaan 2007 yang akan berlangsung pada akhir bulan ini.

Program anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu akan berlangsung empat hari bermula 26 Julai ini.

Ia diadakan di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang dekat sini.

UPM selaku tuan rumah program itu dalam satu kenyataan hari ini berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual merasmikan karnival tersebut pada 27 Julai.

Karnival berkenaan merupakan jalinan kerjasama kedua di antara Kementerian dan IPTA lanjutan daripada kejayaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)-KPT menganjurkan program serupa pada 18 hingga 20 Disember tahun lalu.

Ia bertujuan menyediakan maklumat mengenai peluang pekerjaan dan program-program akademik serta latihan yang ditawarkan oleh Kementerian dengan kerjasama industri korporat.

Antara program yang bakal mengisi karnival itu ialah pameran kerjaya dan pendidikan, seminar kerjaya, ceramah keusahawanan, temu duga terbuka dan seminar persediaan temu duga.

"Karnival itu mengumpulkan lebih 100 majikan daripada pelbagai sektor perindustrian, pertanian, perkhidmatan, pembuatan, kewangan dan teknologi maklumat," kata kenyataan itu.

Siswazah yang berminat boleh membuat pra-pendaftaran secara dalam talian melalui laman web <http://www.kerjaya07.upm.my/pendaftaran/> atau menghubungi Sekretariat di talian 03- 89472087.

Mereka perlu membawa resume, sijil, salinan kad pengenalan dan dokumen lain untuk menyokong permohonan pekerjaan.

Tajuk Artikel: Kekal muafakat

Sumber / Tarikh: Harian Metro Online 12 Julai 2007 – Khamis

Oleh Kamarulzaman Pid

PUTRAJAYA: Jika rakyat negara ini mahu mewariskan sebuah negara yang selamat, maju dan berjaya kepada generasi akan datang, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mahu mereka menjadikan perpaduan sebagai teras dalam pembangunan.

Perdana Menteri berkata, perpaduan adalah pendekatan terbaik bagi menyatukan rakyat negara ini bagi memastikan mereka hidup dalam situasi yang menyenangkan.

"Insyallah, masa depan kita jadi cerah dan selamat, jadi negara maju 2020 dan terus mara ke depan dan membangun dengan keyakinan dan selamat 50 tahun lagi, supaya anak cucu kita meraikan 100 tahun Malaysia merdeka," katanya dalam ucapan pada majlis penyampaian watahah pelantikan Panel Penasihat Perpaduan Negara (Panel) dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri (JKKPN) Sesi 2007-2008 di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Maximus Ongkili, Timbalan Menteri, Joseph Entulu Belaun dan Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Datuk Azman Amin Hassan.

Pada majlis itu, Abdullah menyampaikan watahah pelantikan kepada 55 anggota Panel dan 15 pengerusi JKPPN yang terdiri daripada ahli politik, bekas ahli politik, intelek, usahawan dan pemimpin badan bukan kerajaan (NGO) serta pemimpin pelajar.

Antara penerima watahah pelantikan itu ialah Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) yang juga Pengerusi New Straits Times Press (NSTP) (M) Bhd, Datuk Seri Mohamed Jawhar Hassan dan Pengerusi ECM Libra Avenue Berhad yang juga Timbalan Pengerusi NSTP, Datuk Kalimullah Masheerul Hassan.

Penasihat Korporat Sunway Group, Tan Sri Dr Ramon Navaratnam, Pengerusi Ethos Capital Sdn Bhd, Rohana Tan Sri Mahmood dan bekas Ahli Parlimen Teluk Kemang, Datuk Dr T Marimuthu.

Abdullah berkata, satu bukti yang menjadikan perpaduan sebagai pendekatan berkesan bagi menangani masalah membabitkan kaum di negara ini ialah pendekatan dialog yang dipelopori bekas pemimpin negara, Tun Ghazali Shafie.

"Pendekatan dialog yang menghasilkan permuafakatan di antara semua kaum di negara ini sudah terbukti berjaya menyelesaikan permasalahan yang dihadapi selama ini dan justeru, muafakat itu mesti lebih besar lagi, bukan dalam kes tertentu saja," katanya.

Beliau berkata, masalah perkauman pada masa lalu juga berjaya diatasi melalui kesanggupan pemimpin kaum masing-masing membentuk Parti Perikatan dan seterusnya Barisan Nasional (BN) yang memerintah negara ini.

"Melalui kesanggupan politik itu, mereka mencapai permuafakatan yang menghasilkan dasar penting negara seperti Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru," katanya.

yang diperkenalkan bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein," katanya.

Perdana Menteri berkata, keikhlasan juga perlu menjadi kunci utama kepada setiap rakyat di negara ini supaya segala apa yang terpendam dapat diluahkan dan seterusnya persefahaman dapat dicapai.

"Saya masih ingat lagi ketika (bekas Timbalan Perdana Menteri) Tun Dr Ismail Abdul Rahman berkata 'jangan kita sapu segala kekotoran ke bawah permaidani, semua kekotoran itu mesti dikeluarkan...kerajaan tidak selalunya betul, ada masanya keputusan kurang tepat dibuat.'

"Inilah yang diperlihatkan pemimpin lalu ketika berdialog pada mesyuarat Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) bagi mencari penyelesaian kepada masalah yang menyebabkan peristiwa 13 Mei 1969," katanya.

Tajuk Artikel: Serah logo misi

Sumber / Tarikh: Harian Metro Online 12 Julai 2007 – Khamis

PUTRAJAYA: Dua calon angkasawan pertama negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor dan Kapten Dr Faiz Khaleed menjadi tetamu istimewa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pejabatnya, petang semalam.

Penyerahan lencana Logo Misi 'Angkasawan Malaysia' yang disampaikan Perdana Menteri kepada mereka berdua melambangkan harapan negara dan rakyat supaya misi yang bakal dijalankan pada 10 Oktober depan dapat dilaksanakan dengan berjaya.

Lencana berlatar belakang Jalur Gemilang dan angkasa lepas serta angkasawan itu akan ditampal pada pakaian angkasa lepas angkasawan pertama negara nanti.

"Pemergian saudara berdua adalah harapan dan mandat seluruh rakyat Malaysia dari semua lapisan.

"Kami mengharapkan saudara berdua akan menjalankan misi ini dengan jayanya," kata Perdana Menteri dalam pertemuan yang berlangsung selama kira-kira setengah jam itu.

Hadir sama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Jamaluddin Jarjis, Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara, Datuk Dr Mazlan Othman dan Pengarah Program Angkasawan, Kolonel Dr Zulkefeli Mat Jusoh.

Dr Sheikh Muszaphar dan Kapten Dr Faiz juga menyerahkan kemeja khas yang memaparkan logo dan nama kepada Abdullah.

yang akan menyaksikan pelancaran roket ke angkasa lepas yang dijadual pada 10 Oktober depan.

Seorang daripada mereka akan dipilih untuk misi ke angkasa lepas selama 10 hari menggunakan roket 'Soyuz'.

Kedua-dua calon itu menjalani latihan di pusat latihan angkasawan Yuri Gagarin, Russia.

Abdullah seterusnya menyatakan, program angkasawan itu amat penting bagi negara kerana ia akan menjadi inspirasi terutama kepada golongan pelajar dan belia bagi menggalakkan mereka meminati bidang sains dan teknologi.

"Apa yang dilakukan saudara berdua akan menjadi inspirasi kepada rakyat Malaysia terutama sekali remaja dan belia," katanya.

Beliau berkata, program itu bukan sekadar melancong untuk melihat angkasa lepas tetapi calon yang dipilih akan melakukan penyelidikan berkaitan kanser dan bioteknologi di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

"Penyelidikan yang akan dilaksanakan nanti, diharap akan dapat hasilnya bagi faedah," katanya.

Sementara itu, Dr Zulkefeli berkata, calon angkasawan negara akan bersama-sama dua lagi angkasawan dari Amerika Syarikat dan Russia dalam misi itu.

"Kedua-dua angkasawan dari Amerika Syarikat dan Russia ini akan menggantikan rakan mereka di SIS nanti dan angkasawan kita akan kembali ke bumi bersama-sama dua angkasawan yang diganti itu," katanya.

Mengenai calon terbaik bagi misi itu, Dr Zulkefeli berkata, keputusan sama ada Dr Sheikh Muszaphar atau Dr Faiz terpilih, hanya akan ditentukan jawatankuasa pemilih yang mengadakan penilaian terakhir pada September depan.

"Penilaian ini bukan hanya membabitkan mereka seorang tetapi juga kumpulan sokongan setiap calon.

"Jika seorang calon atau anggota kumpulan sokongan ini berdepan masalah seperti sakit, maka calon kedua akan menggantikan tempatnya dalam misi itu nanti," katanya.

Tajuk Artikel: Perpaduan Mesti Terus Jadi Matlamat Pembangunan Negara Sumber / Tarikh: Bernama Online 12 Julai 2007 – Khamis

PUTRAJAYA, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata perpaduan mesti terus menjadi matlamat pembangunan negara agar Malaysia menjadi negara yang selamat dan mempunyai bangsa yang maju lagi berjaya.

Katanya keikhlasan mesti menjadi sebahagian daripada peribadi rakyat Malaysia yang sayang kepada bangsa dan negara agar tidak menimbulkan pergeseran antara kaum yang akhirnya akan merugikan rakyat.

"Kita masih ada peranan dan tanggungjawab jika kita mahu negara kita selamat, dan bangsa maju dan berjaya," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian watakah pelantikan Panel Penasihat Perpaduan Negara (PANEL) dan pengerusi Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri (JKKPN) Sesi 2007-2008 di sini.

Perdana Menteri berkata walaupun telah berulang kali perpaduan diberikan penekanan termasuk oleh pemimpin terdahulu, "tetapi ini merupakan pendekatan terbaik supaya kita terus rasa lega, aman dan selesa dan selamat."

"Insya-Allah, masa depan kita akan menjadi cerah dan menjadi negara maju pada 2020, terus mara ke hadapan dan membangun hingga 50 tahun akan datang di mana kita akan melihat anak cucu kita meraikan 100 tahun merdeka," katanya.

Pada majlis tersebut Abdullah menyampaikan watakah pelantikan kepada 55 anggota PANEL dan 15 JKPPN yang terdiri daripada ahli politik, bekas ahli politik, para intelek, usahawan dan pemimpin badan bukan kerajaan (NGO).

-- BERNAMA

Tajuk Artikel: Angkasawan Negara Diharap Sempurnakan Penyelidikan Terutama Kanser - PM

Sumber / Tarikh: Bernama Online 12 Julai 2007 – Khamis



Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerima kunjungan dua calon angkasawan pertama negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor dan Kaptan Dr Faiz Khaleed (kiri) di pejabat Perdana Menteri sambil diperhatikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis (kanan). *Pix: Shaifuldin Ahmad*

PUTRAJAYA, 11 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap angkasawan negara akan dapat menyempurnakan kesemua penyelidikan yang telah dirancang di angkasa lepas terutama penyelidikan berkaitan penyakit kanser.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia mempunyai harapan tinggi terhadap misi pertama ini sambil menegaskan ia bukanlah satu misi melancong tetapi misi penyelidikan.

"Mudah-mudahan saudara berdua akan dapat menjayakan visi dan misi negara ini dan harap apa yang dilakukan oleh saudara berdua akan menjadi inspirasi kepada rakyat Malaysia terutama sekali remaja dan belia kita," katanya semasa kunjungan dua calon angkasawan pertama negara -- Dr Sheikh Muszaphar Shukor dan Kaptan Dr Faiz Khaleed di pejabat Perdana Menteri.

Seorang daripada mereka akan terpilih untuk ke angkasa lepas yang dijadual pada 10 Okt dan sebelum itu mereka menjalani latihan di pusat latihan angkasawan Yuri Gagarin, Russia.

Misi angkasawan negara ialah menjelajah angkasa lepas dan membuat kajian saintifik di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) bagi program penyelidikan dan pembangunan termasuk penyelidikan kanser dan bioteknologi.

"Pemergian saudara berdua adalah harapan dan mandat seluruh rakyat Malaysia dari semua lapisan. Kami mengharapkan saudara berdua akan menjalankan misi ini dengan jayanya," kata Abdullah.

Perdana Menteri berkata ketika beliau melawat sebuah negara baru-baru ini, beliau telah diminta untuk membantu melaksanakan satu lagi misi penyelidikan oleh negara itu melalui angkasawan Malaysia.

"Kalau kita boleh, kita akan bantu," katanya tanpa menamakan negara dan misi penyelidikan itu secara khusus.-- BERNAMA

Tajuk Artikel: PDRM Sering Pantau Kumpulan Gangster Yang Dikenal Pasti Sumber / Tarikh: Bernama Online 12 Julai 2007 – Khamis

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menjalankan pemantauan kegiatan kumpulan gangster yang telah dikenal pasti. Beliau berkata PDRM juga sentiasa menjalankan pelbagai operasi bagi memastikan kegiatan gangsterisme tidak terus menular di kalangan masyarakat negara ini.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata PDRM turut mendapat kerjasama daripada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi mengekang budaya gangster khususnya di kalangan pelajar.

"Kerjasama daripada badan pertubuhan bukan kerajaan seperti Yayasan Pencegahan Jenayah turut memberikan peranan yang aktif dalam membendung kegiatan jenayah dan gangsterisme seperti mengadakan program berbentuk kemasyarakatan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Senator Dr. K. Raja Ram pada persidangan Dewan Negara di sini hari ini, yang meminta Perdana Menteri menyatakan sebarang usaha lain bagi membendung ancaman gangsterisme selain tindakan polis.

Abdullah berkata program seperti rondaan dan kawalan di antara penduduk setempat dengan balai polis berhampiran kawasan perumahan turut membantu untuk membanteras budaya gangsterism.
-- BERNAMA

Tajuk Artikel: Kerajaan Tidak Dapat Penuhi Permintaan MTUC Sumber / Tarikh: Bernama Online 12 Julai 2007 – Khamis

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Kerajaan tidak dapat memenuhi permintaan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang mahukan supaya gaji minimum pekerja ditetapkan pada RM900, dan elaun sara hidup (COLA) ditetapkan RM300, kepada semua petugas sektor swasta.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Abdul Rahman Bakar berkata sekiranya permintaan MTUC itu ditunaikan, ia akan menyebabkan banyak syarikat dalam negara 'gulung tikar'.

"Terdapat kira-kira 2 juta pekerja asing dalam negara ketika ini, jika semua diberikan gaji minima seperti yang diminta MTUC, banyak syarikat tempatan akan ditutup," katanya ketika menjawab soalan tambahan Senator Tan Sri Dr Jins Shamsudin pada persidangan Dewan Negara, hari ini.

Beliau memberi contoh bayaran gaji minimum dan COLA kepada pembantu rumah, yang menurutnya

adalah tidak logik, kerana tempat tinggal dan makanan pembantu rumah itu disediakan majikan.

Ketika menjawab soalan tambahan Senator Datuk Tajul Urus Mat Zain pula, Abdul Rahman berkata tidak semua negara maju memberikan gaji minima kepada para pekerjanya.

"Sebagai contoh, Amerika Syarikat membayar gaji mengikut tempoh jam, begitu juga dengan Britain dan Australia. Sekiranya penetapan gaji minimum boleh menjejaskan ekonomi negara, kerajaan tidak akan melaksanakannya," katanya.

-- BERNAMA

Tajuk Artikel: Kerajaan Belanja Sehingga RM11 Juta Untuk Perangi Denggi Sumber / Tarikh: Bernama Online 12 Julai 2007 – Khamis

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Kementerian Kesihatan telah membelanjakan antara RM10 juta dan RM11 juta bagi program pencegahan dan kawalan demam denggi di seluruh negara sejak 2004 sehingga tahun lepas.

Setiausaha Parlimen kementerian berkenaan Datuk Lee Kah Choon berkata peruntukan itu digunakan kebanyakannya untuk membeli bahan kimia termasuk racun serangga dan bahan pembunuh jentik-jentik, peralatan semburan kabus, alat perlindungan peribadi, program latihan meningkatkan kemahiran dan peralatan pendidikan.

"Kementerian juga sedar kemungkinan berlaku peningkatan demam denggi selepas banjir kerana banyak terdapat tempat air bertakung," katanya semasa menjawab soalan Senator Datuk Azizah Abd Samad pada sesi soal jawab persidangan Dewan Negara di sini hari ini.

Bagaimanapun katanya peningkatan kes demam denggi yang berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah lama berlaku sebelum berlakunya banjir pada 10 Jun lepas.

"Pada masa ini kejadian demam denggi masih terkawal dan kementerian terus menjalankan kawalan bagi menangani peningkatan kes demam denggi.

Menjawab soalan tambahan daripada senator yang sama mengenai jumlah kematian disebabkan demam denggi di Lembah Klang, Lee berkata setakat ini sebanyak 57 kes kematian telah direkodkan di seluruh negara.-- BERNAMA